



PEMULIHAN DADAH MENURUT PERSEPKTIF AGAMA DI MALAYSIA

(Drugs Abuse and Rehabilitation in Religion in Malaysia)

¹SABIR ABDUL GHANI

¹FADZLI ADAM

¹Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia

ABSTRAK

Peningkatan data penagihan dadah pada setiap tahun amat merunsingkan dalam masyarakat pada hari ini. Ketidakseimbangan di antara kemajuan negara dan kerohanian dalam pembentukan jati diri masyarakat pada hari ini menyebabkan masyarakat terlibat dengan penagihan dadah. Pengetahuan yang rendah mengenai penyalahgunaan dadah dilihat sebagai faktor masyarakat menganggap perkara ini sebagai masalah sosial yang tidak penting dan kian merebak pada setiap tahun. Setiap agama mempunyai kaedah terapi pemulihan dadah tersendiri. Kaedah ini mengurangkan bilangan penagih dadah dalam masyarakat. Pemulihan dadah berasaskan metode Islam yang menggunakan metode zikir dan solat memberi kesan dalam pemulihan yang dijalankan. Justeru, kertas kerja ini akan memberi pemahaman berkaitan dadah dan pemulihan dalam agama di Malaysia yang perlu diberi pendedahan yang meluas bagi mengurangkan kes penagihan dadah di samping meningkatkan pengetahuan kepada masyarakat.

Kata Kunci: Dadah, Pemulihan, Agama, Pemahaman

ABSTRACT

The increment in the data of drugs addiction every year worried the society nowadays. Imbalance between development of the country and spirituality in the formation of identity in today's society causes people involved with drugs abuse. Lack of knowledge regarding drugs abuse are seen as a factors why society consider this issue as a denied social problem and continues to spread in every year. Each religion has its own method of drug rehabilitation therapy which can become a helping hand to reduce the number of drug

Corresponding author: Sabir Bin Abdul Ghani, Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu, Malaysia, Mel-e: bgq7729@yahoo.com.my

Diterbitkan: 4 Februari 2013

Diterima: 19 Februari 2014

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2014-0601-06>





addicts in the community. Islam-based drug rehabilitation method that uses remembrance (zikir) and prayer (solat) show an improvement in the rehabilitation program. Therefore, this paper will provide an understanding regarding drug abuse and rehabilitation by religion in Malaysia that should be given exposure in order to reduce the statistics of drug addiction. In the other hand it also as an initiative to educate the community about drugs addict.

Keywords: Drug abuse, Rehabilitation, Religion, Understanding

PENDAHULUAN

Penagihan dadah merupakan masalah yang dihadapi oleh semua negara di dunia pada hari ini. Masalah ini dilihat sebagai masalah sejagat yang menyumbang kepada peningkatan statistik penagihan dadah pada setiap tahun. Malaysia juga menghadapi masalah peningkatan dadah pada setiap tahun (AADK 2011). Pengharaman berkaitan dadah ini dipersetujui oleh semua agama di dunia. Setiap agama menganggap dadah lebih banyak membawa keburukan berbanding kebaikan. Agama Islam dengan jelas mengharamkan penggunaan dadah dengan tujuan merosakkan *maqasid syariah* (Wan Mohd Nasir 2011). Pengharaman dadah diqiaskan dengan pengharaman arak. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi serta pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, semuanya adalah kotor daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."

(al-Maidah 5: 90)

Dalil ini dikukuhkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya:

"Setiap minuman yang memabukkan adalah haram."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Setiap masalah yang dihadapi pasti mempunyai cara mengatasinya. Berhubung dengan penagihan dadah ini, rawatan pemulihan menurut perspektif agama merupakan alternatif yang diaplikasikan oleh pusat pemulihan dalam menangani penagihan dadah. Pelbagai kaedah rawatan yang diketengahkan oleh pihak kerajaan seperti Cure & Care Servis Center (CCSC), Caring Community House (CCH) dan Pusat Serenti Narkotik (PUSPEN). Selain pihak kerajaan, badan swasta juga memainkan peranan penting dalam membantu mengurangkan statistik penagihan dadah. Ini dapat dibuktikan dalam rawatan pemulihan yang dilaksanakan di Pondok Remaja Inabah (PRI), 61% pulih dalam setelah menjalani rawatan pemulihan berasaskan metode kerohanian Islam. Rawatan pemulihan ini dikawal selia oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).





PERNYATAAN MASALAH

Peningkatan bilangan penagih dadah dikesan meningkat pada setiap tahun. Masalah ini dilihat menjejaskan perkembangan dari segi pembangunan negara dan produktiviti negara berkurang disebabkan masalah penagihan dadah. Malaysia adalah negara yang terlibat secara langsung dengan masalah ini dan mempunyai statistik bilangan penagih dadah pada setiap tahun. Data penagihan selama 3 tahun bermula pada tahun 2011, 2012 dan Ogos 2013 di huraikan dalam kertas kerja ini. Pada tahun 2011 seramai 11,194 penagih dadah dikesan oleh AADK. Penurunan data penagihan dadah pada 2012 dilaporkan iaitu seramai 9,015 orang (AADK 2012) dan sehingga Ogos 2013, seramai 4,959 orang penagih dadah dikesan meliputi penagih yang baru dikesan dan berulang (AADK 2013). Jadual di bawah menjelaskan penagihan dadah di Malaysia ketiga-tiga tahun:

JADUAL 1.1 Statistik Penagihan dadah di Malaysia

Tahun	Penagih Baru dikesan	Penagih Berulang	Jumlah Penagih Bagi Tahun Berkenaan
2011	6,956 Orang	4,238 Orang	11,194 Orang
2012	5,270 Orang	3,745 Orang	9,015 Orang
Jan-Ogos 2013	3,128 Orang	1,831 Orang	4,959 Orang

Statistik jumlah penagih dadah berbangsa Melayu berbanding kaum lain adalah sangat tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui statistik pada tahun 2012 seramai 7,043 orang terlibat dengan penagihan dadah berbanding bangsa Cina seramai 793 orang dan diikuti India seramai 1,063 orang (AADK 2012). Dalam tempoh Januari-Ogos 2013, bangsa Melayu turut mendominasi statistik penagihan dadah negara. Peningkatan statistik ini dapat dilihat seramai 3,959 orang terlibat dengan penagihan dadah adalah bangsa Melayu diikuti bangsa India seramai 585 orang dan bangsa Cina seramai 369 orang (AADK 2013).

JADUAL 1.2 Jumlah penagih dadah mengikut bangsa

Tahun	Bangsa Melayu	Bangsa Cina	Bangsa India
2012	7,043 Orang	793 Orang	1,063 Orang
Jan-Ogos 2013	3,959 Orang	369 Orang	585 Orang

Menjadi persoalan dalam kertas kerja ini, Adakah masyarakat berbangsa Melayu tidak mengetahui berkaitan bahaya dadah? sedangkan bangsa lain dapat mengawal peningkatan statistik bagi bangsa mereka. Bagi mengatasi masalah ini beberapa pendekatan pemulihan dari perspektif agama diterangkan dalam kertas ini.





PENGERTIAN DADAH MENURUT PERSPEKTIF AGAMA

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), mentakrifkan dadah sebagai bahan kimia psikoaktif yang digunakan bukan tujuan perubatan yang mana penggunaannya adalah dilarang (AADK 2010). Penggunaan bahan ini menyebabkan seseorang sentiasa bergantung secara fizikal dan psikologi serta toleran yang meningkat. Penggunaan bahan ini mendatangkan bahaya dan kerosakan kepada kesihatan diri, keluarga, masyarakat dan negara (Sudirman 2009).

Dadah atau *drug* dalam bahasa Inggeris diertikan sebagai ubat-ubatan. Dadah bermaksud apabila bahan kimia yang psikoaktif sama ada berbentuk asli atau sintetik yang apabila dimakan, dihisap, ditelan, dihidu atau disuntik ke dalam badan memberi kesan pada sistem saraf manusia (Mahmood Nazar 2009).

Bahasa Arab mendefinisikan dadah sebagai *al-mukhaddarat* berasal dari perkataan *mukhaddara* iaitu benda-benda yang boleh menyebabkan hilangnya pertimbangan dan kewarasan seperti ganja dan morfin. Berdasarkan kajian para ulama dan ahli perubatan Islam, penggunaan ganja atau hasyisy mempunyai kesan yang sama iaitu sama dengan kesan meminum arak kerana boleh memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal. Pengertian *al-mukhaddarat* ini sebagai benda-benda yang memabukkan dan boleh menghilangkan kewarasan akal (Al-Marbawi 1998). Hasyisy ini telah ditemui pada kurun keenam dan awal kurun ketujuh melalui seorang ketua perkumpulan tasawuf yang di kenali sebagai Haidar pada tahun 658 H. Syeikh itu telah memakan daun tersebut dan beroleh ketenangan, badan merasa cergas dan masalah yang dihadapi telah hilang akibat daripada kesan khayalan hasyisy (Jami' & Fathi'ID 1999).

DEFINISI RAWATAN DADAH

Pencegahan merupakan satu usaha bagi mengurangkan permintaan terhadap pergantungan dadah dalam diri individu dengan mendapat rawatan penagihan dadah tanpa penggunaan dadah gantian. Pencegahan ini meliputi pemulihan yang dilakukan oleh pihak kerajaan seperti penubuhan PUSPEN, CCSC dan CCH bagi mengurangkan statistik penagihan dadah. Konsep yang diamalkan di CCSC dan CCH adalah bersifat terbuka iaitu penagih datang untuk mendapatkan rawatan secara sukarela (AADK 2011).

Pemulihan dalam penagihan dadah dengan memutuskan pergantungan kepada dadah dan mencegah ketagihan semula. Pemutusan pergantungan kepada dadah dilakukan dengan cara merawat dan memulihkan di pusat pemulihan (Mahmood Nazar *et. al* 2005). Proses yang dilakukan selepas detoksifikasi bagi mengelakkan daripada berlakunya penggunaan dadah secara berterusan. Dikaitkan juga dengan proses mengembalikan penagih kepada keadaan seperti mana sebelum ketagihan dadah (Mahmood Nazar 2006).





Setiap agama mempunyai persamaan dalam rawatan pemulihan yang dilaksanakan. Namun pelaksanaan yang dilakukan mungkin berbeza. Kertas kerja ini akan merungkai beberapa buah pusat pemulihan yang menggunakan pendekatan agama dan kerohanian sebagai metode rawatan pemulihan bagi memastikan penagih dadah kembali kepada fungsi asal sebagai manusia. Beberapa kaedah dan pelaksanaan turut dijelaskan.

RAWATAN PEMULIHAN DADAH MENURUT PERSPEKTIF AGAMA

Rawatan Pemulihan Dadah Mengikut Islam

Rawatan pemulihan dadah berasaskan Islam dilaksanakan oleh pusat yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan swasta. Namun hasil penemuan yang diperoleh, pihak swasta atau NGO banyak mengendalikan kaedah rawatan ini dengan memperoleh pemulihan yang memberangsangkan (Mohmood Nazar *et.al* 2005). Rawatan pemulihan ini menggunakan pendekatan pondok, pusat rawatan harian dan pusat rawatan dengan menggunakan metode berasaskan solat, zikir, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan Fardu Ain. Rawatan pemulihan ini berteraskan kepada al-Quran dan hadis dengan menggabungkan kaedah tasawuf (Mahmood Nazar & Din & Ishak 1998). Ini dikukuhkan lagi dengan dalil Allah SWT:

Maksudnya:

"Dan kami turunkan daripada al-Quran yang menjadi penyembuh dan rahmat bagi orang yang beriman."

(al-Israk: 82)

Pendekatan kerohanian yang digunakan dalam Islam dilihat sesuai untuk mengembalikan kepada fitrah kejadian manusia. Penyakit rohani tidak boleh dirawat atau diubat dengan menggunakan suntikan ubat, tidak boleh dengan kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dibimbing rohani. Menurut ulama tasawuf, kejahatan tidak boleh dihapus dengan pedang. Kejahatan hanya boleh dihapuskan dengan taubat dan al-Quran menunjukkan bahawa penyakit manusia adalah dosa-dosanya dan ubatnya adalah taubat (Shafie 2006). Menurut Taharem (2004), rawatan pemulihan berbentuk kerohanian adalah jalan terbaik bagi mengatasi masalah penagihan dadah yang dihadapi (Taharem 2004).

Rawatan Pemulihan di Baitul Taubah

Baitul Taubah (BT) menerima pakai Thoriqot Qadiriyyah Wan Naqsabandiyyah (TQN) yang diamalkan di Pusat Inabah Suryalaya Indonesia. Penubuhan BT menggabungkan aspek-aspek kerohanian dan pengurusan di bawah satu bumbung. BT terletak di Kelantan di bawah jajahan Pasir Puteh yang menggunakan bangunan bekas pusat pemulihan dadah oleh PEMADAM dan kem latihan Jabatan Pertahanan Awam dan mula beroperasi pada 16 Januari 2008 (Yaakub 2012).





Kaedah rawatan pemulihan di Baitul Taubah adalah 100% menggunakan pemulihan secara Islam. Kaedah yang digunakan adalah bagi menyucikan anak bina dari segala kekotoran secara dalaman dan luaran (rohani dan jasmani). Teras kaedah ini ialah solat, mandi malam (Hydro-therapy) dan zikir. Solat di BT dilaksanakan secara berjemaah dan harus dipatuhi oleh semua anak bina. Solat sunat juga dilaksanakan dan diatur menjadi suatu program yang dapat menyucikan jiwa anak bina.

Mandi malam (Hydro- therapy) dan wuduk adalah perkara yang diwajibkan ke atas anak bina. Mandi dan wuduk ini adalah simbolik dengan tujuan untuk menyucikan jiwa bagi tujuan menghadap Allah SWT Amalan zikir pada bilangan yang khusus dan tidak khusus diwajibkan kepada semua anak bina dalam usaha menghasilkan hati yang bersih dan kuat. Kaedah ini sekali gus memberi ketenangan hati kepada anak bina dalam proses pemulihan.

Aspek fizikal dan jasmani juga diterapkan di BT, latihan jasmani yang didedahkan di BT adalah terdiri daripada kawad, sukan, aktiviti pertanian, kemahiran dan penternakan. Hasil dapatan yang di perolehi digunakan untuk pembangunan dan kegunaan anak bina di BT untuk mendapat keperluan. Ini merupakan pusat pemulihan yang terbaru berasaskan Islam yang mempunyai penyertaan penagih yang tinggi (Yaakub 2012).

Berkaitan rawatan pemulihan yang dijalankan di BT, tidak terdapat fakta dan statistik yang jelas berkaitan dengan keberkesanan yang dijalankan. Namun keberkesanan hasil daripada modal insan yang dilahirkan ditonjolkan. Hal ini dikukuhkan dengan penglibatan semula bekas anak bina yang dilantik sebagai pembina. Mereka menyumbang tenaga dari segi fizikal dan mental dengan mengajar al-Quran, membaca taklim selepas subuh, mengecat asrama dan memotong rumput. Hasil ini dilihat sebagai keberkesanan yang dibanggakan kerana mereka telah kembali kepada fitrah manusia yang boleh berdikari tanpa bergantung dengan dadah (Taubah 2012).

Rawatan Pemulihan di Pondok Remaja Inabah

Pondok remaja Inabah (PRI) adalah sebuah pusat rawatan persendirian yang memberikan rawatan pemulihan penagihan dadah dengan memulihkan penagih daripada penagihan semula dan membimbing mereka kepada cara hidup yang diredai Allah mengikut al-Quran dan al-Sunnah. Menghuraikan berkaitan dengan metode PRI, Thoriqot Qadiriyyah Wan Naqsabandiyah (TQN) menjadi ikutan dengan mengamalkan amalan zikir, solat, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan al-Sunnah (Sabir & Fadzli 2011).

Rawatan pemulihan di PRI bermula selepas diterima menjadi anak bina. Tempoh rawatan yang dijalani oleh anak bina adalah rawatan asas iaitu selama enam bulan pertama dan rawatan lanjutan enam bulan selanjutnya. Pelaksanaan metode di PRI bermula dengan mandi taubat pada setiap pagi bermula daripada 4.30 pagi selama empat puluh hari berturut. Rawatan ini adalah bertujuan untuk memastikan pembuluh darah anak bina mengecut pada permukaan tubuh dan merangsang pengaliran darah ke otak, jantung dan





hati yang menghasilkan perasaan tenang dan ketagihan dadah dapat ditinggalkan (Su' dan 1987). Selepas mandi taubat dilaksanakan, anak bina menjalani solat sunat sehinggalah masuk waktu subuh. Solat fardu dilaksanakan oleh anak bina selepas masuk waktu solat fardu dan diikuti dengan solat sunat dan amalan zikir. Zikir di PRI diamalkan dengan menggunakan kaedah zikir Khofi dan zikir Jahar. Zikir ini bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah dan dapat menghindarkan diri anak bina dari terus mengingati dadah (Fadzli & Sabir 2011).

Bimbingan al-Quran dan Fardu Ain dibimbing oleh ustaz atau pembina yang bertugas. Bimbingan Fardu Ain dan al-Quran penting untuk meningkatkan pengetahuan dan motivasi anak bina kerana majoriti daripada mereka tidak mempunyai asas pengetahuan agama yang kukuh. Antara bimbingan adalah berkaitan dengan fikah, tasawuf, muamalat dan tanbih pada setiap bulan (Shafie 2006).

Hasil penyelidikan yang dijalankan, keberkesanan terhadap pelaksanaan rawatan pemulihan berasaskan pendekatan Islam di PRI mendapati anak bina yang menjalani rawatan asas dan lanjutan menyatakan metode solat, zikir dan mandi taubat memberikan perubahan kepada diri anak bina sepanjang menjalani rawatan pemulihan. Manakala bimbingan al-Quran dan Fardu Ain tidak diamalkan disebabkan tiada ustaz dan pembina yang mengajar (Sabir 2013).

Kenyataan ini dikukuhkan lagi melalui hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Sudirman (2009), hasil kajian mendapati 61% anak bina pulih selepas menjalani rawatan pemulihan berasaskan metode PRI. Anak bina boleh memimpin solat dan zikir dan dalam kalangan mereka dilantik sebagai pembina bagi menguruskan pentadbiran di PRI (Sudirman 2009).

Rawatan Pemulihan Perspektif Agama Kristian

Agama Kristian memainkan peranan penting dalam memberi nilai-nilai kerohanian, melupakan perbuatan yang lalu dan harapan untuk masa depan yang cerah. Agama Kristian percaya bahawa Tuhan adalah segala harapan. Masa hadapan yang cerah akan diberikan kepada sesiapa yang bertaubat dan yakin kepada diri sendiri (Mahmood Nazar 2009).

Modul yang dilaksanakan dalam agama Kristian mempunyai tiga fasa iaitu menggunakan kaedah rangsangan dan pujukan. Penagih membuat pengakuan kelemahan diri dan tiada sebarang ubatan yang diberikan melainkan ditenangkan oleh kaunselor dan felo pemulihan. Mereka juga dipisahkan dari dunia luar bagi mengurangkan rasa rindu terhadap dadah. Fasa Pembentukan sikap dan tingkah laku dan diakhiri dengan fasa pelatih diberikan kebebasan untuk bergerak atau berhubung dengan dunia luar. Pelatih juga digalakkan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan diri selepas menjalani rawatan pemulihan (Mohmood Nazar *et.al* 2005).





Beberapa buah pusat rawatan pemulihan telah ditubuhkan oleh paderi Kristian bagi memberikan perlindungan kepada penganut agama mereka. Mereka memberikan perlindungan dari segi makan, minum tempat tinggal dan dikawal selia oleh pihak AADK. Antara pusat pemulihan yang dibina oleh penganut Kristian ialah:

- i) True House Victory (THV)
Pusat pemulihan ini adalah sebuah pusat pemulihan persendirian yang menggunakan pendekatan agama yang terdapat di dalam kitab bible. Para penagih di galakan untuk melakukan kerja-kerja luar seperti membaiki rumah dan bayaran yang diterima digunakan untuk membiayai bil elektrik dan air, selebihnya untuk pembiayaan makan minum. Jangka masa ialah satu setengah tahun dan bayaran yang dikenakan sebanyak RM350 sahaja.
- ii) Green Pastures
Kaedah rawatan pemulihan di sini adalah menggunakan kaedah perkembangan kerohanian lebih diutamakan daripada pemulihan fizikal atau psikologikal. Penagih ditekankan dengan pendekatan Jesus sentiasa memaafkan segala perbuatan yang telah lalu dan memberi hidup baru kepada mangsa dadah dan mereka menganggap tuhan merupakan tuhan segala harapan dan penagih masih mempunyai masa depan yang cerah (Junid 1989). Tiga kaedah pemulihan digunakan iaitu cold turkey dengan memujuk dan memberi rangsangan seterusnya dengan menggunakan kaedah pembentukan sikap dan tingkah laku dan akhir sekali fasa pelatih diberikan kebebasan untuk bergerak atau berhubung dengan dunia luar. Pelatih juga digalakkan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan diri pelatih. Tempoh rawatan adalah selama 20 bulan dengan kadar bayaran RM 200-250 (Mohmood Nazar *et.al* 2005).

Rawatan Pemulihan Perspektif Agama Buddha

Agama Buddha merupakan satu agama yang dianuti oleh kebanyakannya bangsa Cina. Bangsa ini amat mempercayai berkaitan dengan keburukan yang menimpa jika melakukan kesilapan. Panca sila iaitu lima peraturan yang penting dalam ajaran agama Buddha, pengikut agama ini haruslah menghayati dan mengamalkan bagi memupuk keharmonian dan kesejahteraan. Peraturan dalam panca sila ini menggalakkan kepada makanan kesihatan tetapi melarang minuman yang memabukkan dan menagihkan. Ini bertujuan menjaga kesihatan akal dan menanam kesedaran pada setiap masa. Menurut Gautama Buddha dalam Mangala Sutta, untuk mencapai rahmat seseorang itu hendaklah berpantang daripada mengambil benda-benda yang memabukkan dan jelaslah fahaman ini amat melarang dalam pengambilan dadah (Mohamed 2009).

Ajaran ini juga menekankan kepada kebaikan untuk melindungi akhlak dan kemuliaan iaitu mempunyai sifat malu dan segan untuk melakukan sesuatu yang tidak disukai dan dihina masyarakat. Penggunaan dadah mengakibatkan mereka telah mencampakkan diri mereka ke dalam sifat kebinasaan (Mohmood Nazar 2005).





Berdasarkan status terkini pusat rawatan dan pemulihan dadah di Malaysia, yang dikawal selia oleh AADK, terdapat dua pusat pemulihan dadah yang aktif ialah terletak di Pahang. Geha Buddha Care Canter yang terletak di Gambang Kuantan dan Buddhist Care Canter terletak di Taman Sri Ku Kuantan (AADK 2010).

Rawatan Pemulihan Perspektif Agama Hindu

Penganut agama Hindu beranggapan, manusia sebagai salah satu makhluk yang tinggi tarafnya di sisi Tuhan dan kehidupan di alam semesta. Kelahiran manusia tanpa kecacatan adalah dianggap kurniaan yang bernilai dan juga satu rahmat daripada tuhan. Penganut hindu telah dilengkapi dengan pemikiran untuk menjadi makhluk yang berfikir. Undang-undang Hindu Dharma, tidak memperuntukkan sebarang pelarian daripada kenyataan hidup (Mohmood Nazar *et.al* 2005). Sesiapa yang menyebabkan kesengsaraan kepada orang lain juga akan menerima hukuman daripada setiap perbuatan yang dilakukan (Junid 1989).

Rawatan pemulihan dalam agama Hindu adalah dengan melarang bagi masyarakat Hindu untuk mengambil minuman keras dan dadah. Mereka menanggapi apabila mereka terjebak dengan benda kotor hendaklah kembali ke pangkal jalan dan haruslah kembali kepada peranan asal sebagai manusia (Mahmood Nazar 2009).

KESIMPULAN

Setiap agama mempunyai pemulihan dalam mengatasi masalah dadah. Pengharaman dadah ini disepakati oleh semua agama yang berada di atas muka bumi ini dengan menganggap keburukan adalah lebih banyak daripada kebaikan yang diperoleh. Maklumat dan pendedahan berkaitan bahaya dadah ini haruslah di sebarkan melalui pelbagai saluran dan kaedah terkini. Pusat rawatan pemulihan merupakan sokongan kepada AADK bagi mengatasi masalah penagihan dadah. Kerjasama semua pihak juga merupakan sokongan bagi mengurangkan statistik penagihan dadah negara. Kertas kerja ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pemahaman berkaitan dengan rawatan pemulihan dadah berasaskan agama di Malaysia.

RUJUKAN

- AADK. 2010. *Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2010*. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- AADK. A. A. 2011. *Cure & Care Service Centre (CCSC)*. *Majalah AADK* . Kajang: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- AADK. A. A. 2012. *Laporan Dadah Disember 2012*. Kajang: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.





- AADK. A. A. 2013. *Laporan Dadah Bulan Ogos 2013*. Kajang: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Al-Marbawi, M. I. 1998. *Kamus Idris al-Marbawi Arabi - Malayuwi*. Kuala Lumpur: Dar al-Nukman.
- Fadzli, A., Sabir, A. G. 2011. Zikir sebagai Modaliti Alternatif Rawatan Pemulihan dadah di Malaysia. *Seminar Islam Nusantara Peringkat Asean 2011*. Anjuran Kertas Kerja dalam: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia di Langkawi,
- Jami', H., Fathi'ID, M. 1999. *Dadah dari Perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
- Junid, M. 1989. *Najis Dadah: Strategi 5 Tahun PEMADAM*. Kuala Lumpur: PEMADAM Malaysia.
- Mahmood Nazar, M. 2006. *Rawatan dan Pemulihan Dadah di Malaysia : Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mahmood Nazar, M. 2009. *Penyalahgunaan Dadah Aspek Undang-undang, Pemulihan, Rawatan & Pencegahan*. Selangor: Edusystem Sdn.Bhd.
- Mahmood Nazar, M., Din, S. C. & Ishak, I. 1998. *Keberkesanan Rawatan dan Pemulihan Penagihan Dadah: Modaliti Kerohanian dan Tradisional di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood Nazar, M., Ismail, I., Noor Azniza, I. & Muhamad Dzahir, K. 2005. Pengenalan kepada Permasalahan Kajian. Dlm. *Program Pemulihan Luar Institusi untuk Penagih Dadah*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed, M. N., Che Din, S. & Ishak, I. 1998. *Keberkesanan Rawatan dan Pemulihan Penagihan Dadah: Modaliti Kerohanian dan Tradisional di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed, M. N., Ishak, I., Ishak, N. A. & Kasa, M. D. 2005. Program-program Rawatan dan Pemulihan Dadah di Malaysia. Dalam *Monograf Program Pemulihan Luar Institusi untuk Penagih Dadah*. Sintok: Penebitan Universiti Utara Malaysia.
- Mohmood Nazar, M., Ismail, I., Noor Azniza, I. & Muhamad Dzahir, K. 2005. *Program Pemulihan Luar Institusi Untuk Penagih Dadah*. Monograf Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sabir, A. G. 2013. *Perlaksanaan Rawatan Pemulihan Dadah Berdasarkan Pendekatan Islam di Pondok Remaja Inabah*. Tesis Sarjana Universiti Malaysia Terengganu.





- Sabir, A. G., & Fadzli, A. 2011. Rawatan Pemulihan Dadah Melalui Solat: Modul Rawatan Pondok Remaja Inabah. Kertas Kerja dalam *International Seminar on Humanities 2011: Issue and Challenges*, anjuran: Universiti Malaysia Kelantan.
- Shafie, U. H. 2006. Rawatan Penagihan Dadah: Pendekatan Kerohanian Menggunakan Metode Thoriqat Qadiriyyah Wan Naqsabandiyyah. In M. N. Mohamed et.al, *Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Su'dan. 1987. *Penyembuhan Penderitaan Kecanduaan Narkotika di Pasentran Suralaya*. Tasikmalaya: Pondok Pasenteran Suralaya.
- Sudirman, A. F. 2009. Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu. Tesis Phd. Universiti Malaysia Terengganu.
- Taharem. 2004. *Menagani Penyalahgunaan & Penagihan Dadah Menurut Islam*. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- Taubah, B. 2012. *Baitul Taubah/Pondok Islah Diri*. pondokbaitultaubah.blogspot.com. capaian pada 13 Nov 2013.
- Wan Mohd Nasir, W. A. 2011. *Maqasid Syariah: Cabaran dan Penyelesaian dalam Merealisasikannya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Yaakub, U. 2012: Lokasi dan Baik Pulih Awal. Pasir Puteh: Baitul Taubah.
- Yaakub, U. 2012: Kaedah Program Rawatan Pemulihan. Dlm. *Rawatan Pemulihan Dadah & Runtuh Akhlak Baitul Taubah* (pp. 66-75). Pasir Puteh: Baitul Taubah.

